



**BAB 3:
PUNCA PEMANASAN
GLOBAL**

ISU PEMANASAN GLOBAL

Pemanasan global adalah pemerhatian terhadap peningkatan suhu atmosfera bumi dan lautan yang berpunca daripada peningkatan jumlah gas-gas karbon (wap air, karbon dioksida, karbon monoksida) yang turut dikenali sebagai gas rumah hijau di dalam atmosfera bumi. Haba matahari yang kebiasaannya dapat dipantulkan ke permukaan bumi kembali ke angkasa lepas kemudiannya terperangkap dan menyebabkan suhu bumi meningkat.

Sebuah model yang dihasilkan oleh *Intergovernmental Panel on Climate Change* (IPCC), (*W.C Turkenburg, 1997*) menganggarkan bahawa suhu global akan semakin meningkat sebanyak 1.1 hingga 6.4°C (2.0 hingga 11.5°F) antara tahun 1990 hingga 2100. Andaian ini berdasarkan anggaran yang dilakukan terhadap pembebasan gas rumah hijau pada masa akan datang dan kepekaan perubahan suhu.

IPCC ditubuhkan pada tahun 1988 oleh Pertubuhan Meteorologi Dunia serta Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kegiatan terasnya adalah menyemak dan menilai maklumat saintifik, teknikal dan sosio-ekonomi yang terkini. Saintis alam sekitar telah ditempatkan di pelbagai lokasi strategik dan mengumpulkan laporan iklim dan cuaca seluruh dunia secara sistematik. Dapatan daripada kajian ini amat memeranjatkan terutama berhubung tentang faktor pemanasan global dan kesan jangka pendek dan panjang daripadanya.

Laporan pertama (1990) dan laporan kedua (1995) IPCC menunjukkan banyak ketidakpastian iklim dunia dan bersifat negatif iaitu pemanasan global ini akan menjejaskan manusia atau tamadunya. Laporan ketiga (2001) berkisar kepada 'Menangani Perubahan Iklim' manakala laporan penilaian keempat adalah berkenaan 'Perubahan Iklim 2007'.

Kajian mendapati 98% punca pemanasan global ialah pelepasan karbon dioksida akibat pembakaran bahan bakar fosil yang telah dilakukan sejak abad ke-18. Perubahan penggunaan tanah pula menyumbang 30% pelepasan karbon dioksida. Ini ditambah dengan lebih hebat lagi akibat kesan rumah hijau yang berubah secara mendadak, tanpa dapat dibendung lagi.

PUNCA PEMANASAN GLOBAL

Berlaku perdebatan antara saintis berhubung punca sebenar yang mengakibatkan pemanasan global di muka bumi. Ada yang berpendapat bahawa aktiviti manusia adalah punca utama pemanasan global dengan meningkatnya tahap karbon dioksida di atmosfera. Ini adalah kerana sebelum kemunculan revolusi perindustrian, tahap karbon dioksida didapati berkadar tetap, namun setelah kemunculan revolusi perindustrian, kandungan gas ini menjadi semakin meningkat di atmosfera. Fenomena ini dijangkakan akan bertambah serius jika tidak ditangani melainkan jika manusia sendiri menyekat aktiviti perindustrian yang menyumbang kepada permasalahan ini.

Pada sudut yang berlainan, ada pula yang berpendapat pemanasan global adalah fenomena semulajadi yang tiada hubung kaitnya dengan aktiviti manusia di muka bumi. Ini adalah kerana bumi mempunyai tempoh kitaran panjang yang melibatkan corak pemanasan dan penyejukan berulang yang merupakan proses kitaran semulajadi yang rutin. Kitaran ini mempunyai beberapa penerangan semulajadi yang berkait dengan pergerakan bumi pada paksinya, justeru menyangkal aktiviti manusia sebagai penyebab utama pemanasan global.